

**KES-KES PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH
NEGERI PULAU PINANG
KHUSUS DI DAERAH TIMUR LAUT:-
SATU PENILAIAN**

MD. YUSUP BIN CHE TEH

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT BAGI
MEMPEROLEHI DIPLOMA UNDANG-UNDANG
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
SESSI 1994/1995**

**KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
MEI 1995**

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY

Ms. CO. 1.1.10



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِوَسِيْلَةِ اسْتِزَارَةِ اَنْبَارِ اَبْحَسَابِ مَلَيْسِيَا

ABSTRAK

Setiap insan di dunia ini inginkan hidup berpasangan melalui perkahwinan yang sah. Kita telah sedia maklum bahawa tidak semua perkahwinan itu akan membawa kebahagiaan kepada pasangan yang berkahwin. Ini terbukti dengan berlakunya banyak kes-kes perceraian seperti yang tercatat di dalam laporan perceraian di Mahkamah-mahkamah Syariah. Dalam kajian ini penulis akan membincangkan masalah perceraian di dalam lima bab.

Bab pertama adalah mengenai bahagian pendahuluan dalam sesuatu kajian iaitu muqaddimah atau pendahuluan, objektif atau tujuan kajian, latarbelakang kajian, pemilihan tempat kajian, metodologi kajian dan masalah kajian.

Bab kedua menerangkan definisi perceraian, istilah perceraian di dalam Al-Quran dan As Sunnah. Mengapa Islam membolehkan pembubaran perkahwinan, hukum perkahwinan, pembahagian perceraian dan hikmat perceraian.

Bab ketiga adalah memperjelaskan bidangkuasa Hakim dalam pembubaran perkahwinan. Penulis cuba mengupas alasan-alasan syarie' yang membolehkan tuntutan perceraian dibuat.

Bab keempat adalah mengenai bidangkuasa Mahkamah Syariah mentadbir hal-ehwal pembubaran perkahwinan dan acara atau bentuk-bentuk pembubaran perkahwinan yang ditadbir oleh Mahkamah Syariah menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang, 1985 dan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1959 dan 1993.

Bab kelima adalah mengenai penilaian kes-kes penceraian di Mahkamah Syariah. Bab ini adalah mengenai penilaian kes-kes di Mahkamah Rendah Syariah Timur Laut iaitu tempat kajian penulis dan dalam bab ini juga sebagai penutup iaitu rumusan dan saranan cuba diutarakan yang perlu dinilai secara bersama.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Alhamdulillah dengan izin Allah s.w.t. saya telah berjaya menyiapkan kertas projek ini sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam Universiti Islam Antarabangsa.

Dalam usaha menyiapkan kertas projek ini saya telah dibantu oleh pelbagai pihak. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Penyelia Kertas Projek ini, Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim. Berkat tunjuk ajar dan nasihat beliau lah kertas projek ini dapat disiapkan. Semoga Allah s.w.t. sahajalah yang akan membalas segala jasa baik dan sumbangan yang telah diberikan itu.

Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada semua Pensyarah di Kulliyah Lepas an Ijazah, iaitu Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Universiti Islam Antarabangsa. Semoga segala ilmu yang telah dicurahkan akan dapat dimanfaatkan dari masa ke semasa.

Saya juga ingin merakam ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang kerana telah memberi

peluang kepada saya untuk terus menimba ilmu dan pengalaman di Universiti Islam Antarabangsa.

Iringan doa restu dipohonkan kepada Allah s.w.t. agar dilimpahkan taufik dan hidayahnya buat bonda tercinta. Buat isteriku yang banyak berkorban, memberi dorongan, sokongan dan galakan, disanjung dan sentiasa dihargai, serta anak-anak dikasihi dan disayangi, semoga kejayaan sentiasa bersama kalian serta keluarga.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, terima kasih buat kalian semua. Akhirnya, kepada Allah s.w.t. jualah dipohonkan agar memberkati segala usaha penulis dan diberikan taufik dan hidayahNya ke jalan yang diredhai.

Wassalam.

Md. Yusup bin Che Teh
19, Jalan Hogen,
10450 Pulau Pinang.

KANDUNGAN

Abstrak	i - ii
Penghargaan	iii - iv
Kandungan	v - viii
Terjemahan	ix
Senarai Status	x

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1. Pendahuluan	1
1.2. Bidang Kajian	2
1.3. Objektif Kajian	2
1.4. Latarbelakang Kajian	2 - 3
1.5. Pemilihan Tempat Kajian	3 - 4
1.6. Methodologi Kajian	4 - 5
1.7. Masalah Kajian	5
Nota Rujukan	6

BAB 11 - PEMBUBARAN PERKAHWINAN MENURUT HUKUM SYARAK

2.1. Definasi Perceraian	7 - 8
2.2. Istilah Perceraian di dalam Al Quran dan As-Sunnah	9 - 10
2.3. Mengapa Islam membolehkan perceraian	16 - 19

2.4.	Hukum Perceraian	19 - 25
2.5.	Pembahagaian Cerai/Talaq	25
2.5.1.	Perceraian dengan cara Talaq	25 - 29
2.5.2.	Perceraian dengan cara Ta'liq	29
2.5.3.	Perceraian dengan cara Khulu'	30 - 31
2.5.4.	Perceraian dengan cara Shiqaq	32
2.5.5.	Perceraian dengan cara Fasakh	32 - 35
	Nota Rujukan	36 - 39

BAB 111 - KUASA HAKIM DALAM PERCERAIAN

3.1.	Penglibatan Hakim dan keperluannya dalam pembubaran perkahwinan	40
3.2.	Sebab-sebab pembubaran melalui kuasa Hakim:-	41 - 42
3.2.1.	Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana suami dan isteri tiada persamaan taraf (kafaah)	42 - 44
3.2.2.	Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana mahar berkurang daripada mahar mithil atau kerana kesukaran suami membayar mahar.	44 - 49
3.2.3.	Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana pilihan seseorang yang mencapai umur Baligh (dewasa) dan seseorang yang sembuh daripada gila	49 - 50
3.2.4.	Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana suami tidak memberi nafkah	50 - 54
3.2.5.	Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana suami uyub (kecacatan)	54 - 59

3.2.6. Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana mendatangkan bahaya (darurat)	50 - 63
3.2.7. Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana suami hilang	63 - 67
3.2.8. Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana suami dipenjara	67 - 68
3.2.9. Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana ila'	68 - 69
3.2.10. Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana li'an	69 - 72
3.2.11. Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana suami atau isteri memeluk Islam	72 - 73
3.2.12. Perceraian/pembubaran perkahwinan kerana murtad	73 - 74
3.2.13. Pembubaran perkahwinan kerana Akad Fasid	74
Nota Rujukan	75 - 79

BAB IV - PEMBUBARAN PERKAHWINAN MENURUT ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI PULAU PINANG.

4.1. Bidangkuasa Mahkamah Syariah mentadbir hal ehwal pembubaran perkahwinan	80 - 82
4.2. Bentuk-bentuk perceraian yang ditadbir oleh Mahkamah	82
4.2.1. Perceraian secara Talaq yang dilafazkan oleh suami sendiri	83 - 85
4.2.2. Perceraian secara Hakam	85 - 86
4.2.3. Perceraian di bawah Ta'liq atau Temujanji	86 - 87

4.2.5. Perceraian di bawah Fasakh	88 - 95
Nota Rujukan	96 - 97
BAB V - PENILAIAN KES-KES PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG KHUSUS DI DAERAH TIMUR LAUT	98 - 115
RUMUSAN DAN SARANAN	117 - 121
BIBLIOGRAFI	122 - 125
LAMPIRAN	

Terjemahan, Transliterasi dan Peristilahan

Terjemahan Al-Quran:

Ayat-ayat al-Quran diterjemah mengikut Al Quran dan Terjemahan. Terbitan Pustaka Antara Malaysia, Kuala Lumpur Cetakan ... 1988, dan al-Quran dan terjemahannya, mujaruma' Khadim al-Haramain asy syarifain al-Malik Fahd li thiba'at al-Mush-Act asy-syarif Medinah Munawwarah P.O. Box 3561.

Senarai Statul.

1. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Pulau Pinang Tahun 1993.
2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam
Negeri Pulau Pinang Tahun 1985.

Setia kasih buat :

Isteri yang tercinta:
Roslin bt. Mohamad

Anaknda Ahmad Fathi,
Mohamad Aiman, Awatif
Hannan, Ahmad Wajjdi, Widad
Hazirah, Adilah Wafaa,
Mohamad Bazli, Mohamad
Wafiy.

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

1. PENDAHULUAN

Talaq merupakan kuasa yang ditentukan oleh syara' bagi seorang suami untuk membubarkan ikatan perkahwinan. Namun demikian hal tersebut merupakan suatu langkah terakhir kerana ianya merupakan suatu perkara halal yang paling dibenci oleh Allah S.W.T. Memandangkan kepada kadar perceraian yang tinggi serta kesan daripada perceraian juga sungguh memilukan maka langkah telah dibuat supaya perlaksanaan talaq berlaku selaras dengan kehendak syara' iaitu sebagai suatu langkah yang paling akhir untuk menyelesaikan kekusutan setelah beberapa langkah ke arah perdamaian dibuat. Langkah ini sesuai dengan fungsi Undang-Undang Keluarga Islam bukan semata-mata menghukum tetapi peranannya yang lebih utama ialah menasihatkan, membantu dan mendamaikan [1].

Oleh itu dalam Undang-Undang Keluarga Islam, segala urusan yang berkaitan dengan kekeluargaan adalah berpandukannya termasuklah pembubaran perkahwinan dan kesan daripada pembubaran perkahwinan tersebut.

1.2. Bidang Kajian

Kajian ini memberi tumpuan terhadap bidangkuasa Hakim membubarkan perkahwinan mengikut Hukum Syarak dan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang. Kajian ini juga membicarakan tentang sebab-sebab dan keadaan-keadaan yang membolehkan Hakim membubarkan perkahwinan berdasarkan Hukum Syarak dan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang.

1.3. Objektif Kajian

- 1.3.1. Untuk menjelaskan kepada masyarakat Islam aspek-aspek hukum yang membolehkan Hakim membubarkan perkahwinan.
- 1.3.2. Untuk mengetahui keadaan-keadaan perceraian yang telah berlaku dan sebab-sebab berlakunya perceraian.
- 1.3.3. Untuk melihat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan kuasa-kuasa Hakim dalam membubarkan perkahwinan menurut Undang-Undang Keluarga Islam.

1.4. Latarbelakang Kajian

Kajian yang dibuat adalah berkaitan dengan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang 1985. Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959, Enakmen

Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993 dan apa-apa juga statut yang berkaitan.

Kajian juga melibatkan Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang untuk mencari contoh-contoh kes yang berkaitan dengan kajian. Negeri Pulau Pinang mempunyai sebuah Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah di 6 Daerah yang dikendalikan oleh enam orang Hakim iaitu Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya, Daerah Bagan Tuan Kecil, Daerah Kepala Batas, Daerah Bukit Mertajam dan Daerah Nibong Tebal.

1.5. Pemilihan Tempat Kajian

Pemilihan tempat kajian di Mahkamah Syariah Daerah Timur Laut Negeri Pulau Pinang adalah sebagai sampel atau contoh yang mewakili Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang. Penduduk Daerah Timur Laut yang mempunyai penduduk yang ramai dan diwakili oleh golongan berpendapatan tetap. Untuk mengetahui apakah pembangunan dan kemajuan telah memberikan kesedaran kepada penduduk Islam di Daerah Timur Laut tentang hak-hak mereka dalam urusan kekeluargaan dan melibatkan undang-undang, maka penulis menjalankan kajian di daerah ini.

Tambahan pula, kedudukan Daerah Timur Laut yang hampir dengan tempat tinggal, penulis, ini memudahkan penulis

memperolehi sumber-sumber atau bahan-bahan untuk kajian penulis.

1.6. Methodologi kajian

Methodologi kajian ini, penulis telah menggunakan method yang dirasakan sesuai bagi menjayakan kajian ini iaitu method kajian perpustakaan dan method kajian luar.

i] Kajian Perpustakaan

Penulis telah membuat kajiian di perpustakaan untuk memberi maklumat dan data yang diperlukan dalam penulisan kajian ini. Data-data dan maklumat-maklumat yang berkaitan dari segi hukum syarak dan undang-undang dikumpul dan dianalisa. Untuk itu penulis telah merujuk kepada kitab-kitab Turath, buku-buku semasa, peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang dan Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri Pulau Pinang 1959 dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993.

ii] Kajian Luar

Kajian luar dijalankan di Mahkamah Syariah Timur Laut untuk melihat sejauhmana perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam dapat mempengaruhi serta memberi keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Kajian lebih tertumpu kepada pengumpulan maklumat yang diperolehi daripada Pejabat Kadi Daerah Timur Laut dan Mahkamah Syariah Timur Laut. Ini termasuklah dengan mengkaji fail-fail kes perceraian yang berlaku di Mahkamah Syariah Timur Laut.

iii] Analisa Data

Penulis menggunakan kajian analisa data untuk membuat andaian dan kesimpulan yang berbentuk umum. Maklumat dan data yang diperolehi melalui kajian perpustakaan akan dianalisa dan dibandingkan dengan hasil kajian untuk membuat kesimpulan yang benar-benar tepat.

1.7. Masalah Kajian

Masalah utama yang dihadapi oleh penulis ialah kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan daripada sumber-sumber asal. Oleh sebab itu sebahagian daripada rujukan dibuat kepada sumber-sumber peringkat kedua. Penulis juga mengalami kesulitan di dalam memahami dengan benar rujukan sumber-sumber asal.

Walau bagaimanapun dengan kesabaran dan usaha yang tidak mengenal jemu, Alhamdulillah, akhirnya penulis dapat juga menyiapkan kajian ini.

NOTA RUJUKAN

1. Md. Akhir Hj. Yaakub, Dr. Siti Zalikhah Md. Noor, Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam di Malaysia, Al-Rahmaniah, Selangor Darul Ehsan, 1989, hal. 38.

BAB KEDUA

PERCERAIAN MENURUT HUKUM SYARAK

Kemunculan Islam membawa pelbagai peraturan untuk keselamatan dan kesejahteraan ummahnya termasuklah peraturan-peraturan mengenai perceraian. Kedudukan Peraturan-peraturan tersebut sebahagian daripadanya dijelaskan oleh Allah s.w.t. didalam firmanNya :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنٰتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوْهُنَّ
مِّنْ قَبْلِ اَنْ تَمْسُوْهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُوْنَهَا
فَمَتَّعُوْهُنَّ وَسَرَخُوْهُنَّ سَرَاحًا جَمِيْلًا ﴿٤٩﴾

Ertinya: "Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu menikahi perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu mencampurinya, maka sekali-kali tidak wajib atas mereka iddah bagi kamu yang kamu minta menyempurnakannya, maka berilah mereka mut'ah dan lepaskanlah mereka itu dengan cara yang sebaik-baiknya".

(Al-Ahzab: 33: 49)

Firman Allah yang tersebut telah menggariskan peruntukan perceraian yang diikuti oleh tempoh 'iddah, kemudian rujuk dan disusuli oleh hak-hak isteri semasa dan selepas perceraian seperti pemberian mut'ah.

2.1. Definisi Perceraian

Perceraian, jika dilihat dari sudut bahasa, bererti tindakan melepas atau menghuraikan ikatan.

Dari sudut istilah ia bermaksud tindakan melepaskan ikatan perkahwinan dengan lafaz (perkataan) yang tertentu, iaitu talaq, firaq dan sarah [1]. Seperti seorang suami berkata kepada isterinya : Engkau telah kutalaqkan atau Engkau seorang perempuan yang sudah ditalaq dan sebagainya.

Kebanyakan ahli-ahli fiqh seperti Imam Shafie dan Imam Abu Hanifah sering menggunakan perkataan talaq ketika membahaskan tentang perceraian walaupun talaq itu sebenarnya satu daripada jenis-jenis perceraian [2].

Oleh yang demikian, perceraian dari segi bahasa menurut ahli-ahli fiqh iaitu meninggalkan dan memutuskan atau merungkaikan ikatan sama ada dalam perkara 'hissi' iaitu yang dapat disaksikan oleh pancaindera atau perkara 'maknawi' iaitu sesuatu yang diluar jangkauan mata kasar manusia [3]. Perkara maknawi didalam konteks perbincangan ini iaitulah perceraian ikatan perkahwinan yang terjalin diantara suami isteri.

Dari segi istilah, ahli-ahli fiqh Maliki menyebutkan perceraian itu sebagai melepaskan ikatan perkahwinan yang sah [4]. Menurut Mazhab Hanafi iaitu memutuskan hubungan diantara suami isteri sama ada berlaku pada

masa itu juga atau di masa akan datang menggunakan lafaz yang menunjukkan putusnya hubungan itu atau dengan cara lain seperti melalui tulisan atau isyarat [5]. Menurut Imam Syafie, perceraian adalah memutuskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz talaq dan seumpamanya [6]. Mazhab Hambali mentakrifkannya sebagai memutuskan ikatan perkahwinan [7].

Berdasarkan takrif yang dikemukakan oleh ahli-ahli fiqh, dapat disimpulkan bahawa perceraian itu adalah bubarnya ikatan perkahwinan dengan mengucapkan dengan lafaz-lafaz tertentu.

2.2. Istilah Perceraian Didalam Al-Quran dan As-Sunnah.

2.2.1. Istiah Perceraian didalam al-Quran

Konsep talaq atau perceraian adalah didasarkan kepada dalil-dalil daripada Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas. Beberapa istilah perceraian telah diungkapkan dalam Al-Quran bagi menunjukkan pensyariatannya didalam Islam. Bahkan beberapa perkara pokok yang berkaitan dengan hukum-hukum perceraian telah disentuh dalam surah kedua. Terutama sekali dalam Surah Al-Baqarah. Lafaz talaq itu sendiri disebut beberapa kali di dalam Al-Quran diantaranya :-

Firman Allah:

الطَّلُقُ مَرَّتَانٍ فَإِمْسَاكٌ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ

Ertinya: "Talak (yang dapat dirujuki) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang makruf atau menceraikan dengan cara yang baik"

[al-Baqarah: 21:229]

Ayat ini menerangkan bahawa suami hanya boleh menceraikan isteri sebanyak dua kali sahaja. Menjatuhkan talak pada kali yang ketiga akan menghalang mereka rujuk semula. Oleh sebab itu syarak membenarkan suami memilih sama ada untuk rujuk semula atau terus melepaskan isterinya secara baik.

Firman Allah:

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحْنَ
أَزْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرَاضُوا بَيْنَهُمْ بِالْمَعْرُوفِ ذَلِكَ يُوعِظُ بِهِ مَنْ كَانَ
مِنْكُمْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَُمْ أَزْكَى لَكُمْ وَأَطْهَرُ وَاللَّهُ
يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢٢٢﴾